

13/04/2004

'Oksidentalisme kajian baru di Malaysia'

Norzilawati Sidek

MOHAMAD Saleeh Rahamad, (gambar) pensyarah Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya (UM) sedang mengkaji oksidentalisme dalam sastera Melayu pada peringkat doktor falsafah (PhD). Ikuti wawancara wartawan Sastera dan Budaya, NORZILAWATI SIDEK, dengan beliau.

APAKAH yang dimaksudkan dengan oksidentalisme?

Oksidentalisme atau disebut westernisme ialah satu cabang bidang kajian pascakolonial, iaitu wacana mengenai Barat, termasuk Eropah dan Amerika. Oksidentalisme bertentangan dengan orientalisme.

Apakah yang membezakan oksidentalisme dengan orientalisme?

Orientalisme ialah wacana ketimuran. Dalam orientalisme, Barat bertindak sebagai pengkaji manakala Timur menjadi objek kajian. Menurut Edward Said, orientalisme wacana yang bersifat menguasai, iaitu Barat memberikan tanggapan mengenai Timur dengan persepsi berat sebelah. Dalam oksidentalisme berlaku sebaliknya, Timur sebagai pengkaji manakala Barat menjadi objek kajian. Sungguhpun begitu, tanggapan Timur terhadap Barat berbeza daripada orientalisme kerana Timur tidak mempunyai maksud untuk menguasai Barat.

Apa yang dikaji oleh Saleeh sebenarnya?

Kajian saya lebih menjurus kepada oksidentalisme dalam novel Melayu sebelum dan selepas merdeka. Saya mencari imej Barat dalam sastera Melayu, khususnya novel. Hipotesis awal saya menunjukkan ada perubahan sikap dalam novel Melayu sebelum dan selepas merdeka. Novel sebelum merdeka ada unsur dikotomi pada watak dan budaya Barat, selari dengan semangat nasionalisme ketika itu. Pengarang novel menggarap sikap penjajah yang buruk dan kota yang dimasuki budaya Barat dilihat sebagai bencana kepada masyarakat. Ini berbeza selepas negara mencapai kemerdekaan. Sikap pengarang mula berubah. Sikap berbelah bahagi muncul dalam diri pengarang Melayu. Mereka cuba bersikap neutral terhadap Barat.

Mengapa kajian oksidentalisme menjadi pilihan?

Pertama, kajian ini sangat baru di Malaysia dan belum ada pengkaji dari Malaysia yang melakukan kajian secara teoritikal terhadap sastera Melayu walaupun negara pascakolonial lain seperti India, China, Afrika dan Singapura sudah memulakannya. Kedua, saya memang lebih cenderung kepada kajian sastera bersifat multidisiplin iaitu menggabungkan disiplin seperti sejarah dan politik dengan sastera. Cara ini akan lebih berupaya mengangkat sastera sebagai satu lapangan lebih bermakna.

Apakah kepentingan kajian ini?

Kajian ini dapat melihat reaksi masyarakat, terutama pengarang Melayu terhadap kuasa penjajah sama ada secara politik, hegemoni atau neokolonialisme. Dengan cara itu, pemikiran nasionalisme dan inteligensia pengarang Melayu dapat dikesan. Sumbangan mereka membantu pembentukan minda bangsa merdeka. Jangan lagi pengarang Melayu dipandang sebelah mata atau tidak dipandang langsung dalam pembangunan bangsa.

Karya sastera yang dikatakan ada ciri oksidentalisme?

Karya yang mengemukakan imej Barat sama ada nilai, falsafah, watak dan pemikiran. Unsur ini ada dalam setiap genre sama ada sastera sejarah, puisi, drama, cerpen mahupun novel. Ini bukti betapa prihatinnya pengarang Melayu terhadap nasib bangsa dan negaranya.

Novel yang akan digunakan dalam kajian ini?

Novel sebelum dan selepas merdeka seperti Putera Gunung Tahan karya Ishak Mohamad, Siapakah Yang Bersalah dan Panglima Awang (Harun

Aminurashid), Bunga di Atas Kuburan, Kuntum Tulip Biru, Sukma Angin (Arena Wati), Lepaskan Kembali Aku Ke Laut dan PL5 (Shaari Isa) dan Projek 238 (BH Amir). Saya juga akan melihat unsur oksidentalisme dalam Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah dan Hikayat Abdullah.

Apakah dapatan daripada kajian ini?

Kajian saya belum selesai. Pada peringkat kajian persuratan, saya sudah membaca kajian luar negara seperti oleh pengkaji China, Xiaomei Chen mengenai karya penulis China seperti Zhang Wentian, Jiang Guangci, Li Jieren dan Guo Moruo di samping pengkaji India, Umeeta Sadarangani yang mengkaji karya penulis India dalam bahasa Inggeris seperti Salman Rushdie, Anita Desai, Bharati Mukherjee, Kirin Narayan dan VS Naipul.

Apakah yang dikemukakan mereka?

Jelas penulis China dan India tidak menganggap Barat seratus peratus buruk, malah memuji nilai Barat dalam karya mereka. Bagi penulis India, imej British memang negatif kerana sejarah penjajahan mereka, tetapi imej Amerika Syarikat dipandang positif kerana kebebasan. Begitu juga bagi penulis China. Ini berlaku kerana di negara mereka wujud penindasan terhadap kebebasan hak asasi, terutama pada wanita. Jadi mereka terpaksa memandang ke luar untuk memperjuangkan kebebasan. Ini berbeza daripada karya penulis Malaysia kerana tanggapan mereka terhadap kebebasan Barat berlainan. Situasi negara kita berbeza dan soal penindasan gender tidak dipandang serius.

Bagaimana pula dengan pengarang Melayu?

Saya perhatikan, mereka tidak melihat Barat seratus peratus buruk dan karya mereka juga adaimbangan antara sifat positif dan negatif. Masyarakat pascakolonial seperti Malaysia pernah menerima kebaikan daripada penjajahan Barat sama ada dalam politik, pendidikan dan pentadbiran. Mereka tidak lupa jasa Barat terutama bagi yang lebih terbuka, mereka bersikap neutral. Tetapi ada juga yang cuba menanamkan ideologi untuk menentang hegemoni Barat.

Berapa lama masa diambil untuk menamatkan kajian ini?

Sebenarnya saya baru beralih kepada topik ini dua tahun lalu. Saya berharap dalam setahun lagi kajian ini akan dapat diselesaikan. Kajian ini masih baru di Malaysia dan sumber rujukannya sangat sedikit. Saya terpaksa bergantung kepada rujukan luar negara.

Bagaimana perkembangan oksidentalisme di Malaysia?

Oksidentalisme sudah lama wujud dalam sastera, malah dalam karya sastera tradisional pun. Kesedaran pengarang menyatakan reaksi terhadap Barat lahir sejak kedatangan imperialis ke sini. Kajian terhadap Barat pula nampaknya sudah ada usaha ke arah itu terutama selepas saranan dibuat oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, sebelum persaraannya agar diwujudkan satu pusat untuk mengkaji Barat.

Mampukah kajian ini berkembang di Malaysia?

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sudah membentuk pusat kajian oksidentalisme dan beberapa seminar juga diadakan pihak tertentu. Jika ada usaha serius terutama dengan sokongan kerajaan, pasti akan berjaya. Kita sudah lama menjadi objek kajian dan terpaksa mengenali imej kita dari kaca mata Barat dalam wacana orientalisme. Sebagai bangsa merdeka, kita perlu mengkaji Barat dan menjadikan mereka objek.

Siapakah penulis muda kini yang menulis mengenai oksidentalisme?

Faisal Tehrani dalam novel 1515. Novel ini jelas memuatkan wacana oksidentalisme. Beliau memasukkan ideologi dalam novel itu. Sedikit sangat penulis yang cenderung ke arah ini. Mungkin kerana tidak ramai penulis muda kita yang mempunyai ideologi atau mereka tidak mahu menerapkan ideologi dalam karya.